

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 3 Tahun 2022

MAC 2022



BENGKEL PELAN STRATEGIK AKRAB 2021-2025 (Siri 2/2022)

Jumaat 19 Mac, seramai dua puluh lima (25) orang pegawai dari pelbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk AKRAB PKPMP telah menghadiri satu Bengkel Pelan Strategik AKRAB 2021-2025 (Siri 2/2022) yang bertempat di Hotel Everly Putrajaya.



Ia bertujuan bagi memastikan semua strategi dan inisiatif yang telah dirancang oleh Bahagian Pengurusan Psikologi (BPPs), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), diselaraskan dan dilaksanakan secara sistematik dan bersepadu bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.



Selain itu, menjadi rujukan utama BPPs JPA dan Majlis AKRAB Kebangsaan (MAK) untuk menentukan pelaksanaan aktiviti AKRAB di setiap Kementerian, Jabatan, Agensi dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) adalah selaras dengan hala tuju strategik BPPs JPA secara keseluruhan. Justeru itu, Pelan Strategik ini nanti dapat memusatkan segala komitmen dan fokus bagi menjayakan Visi dan Misi AKRAB dan organisasi.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP



KERJASAMA DALAM ORGANISASI



DEFINISI :

Sesuatu kerja yang dilakukan bersama atau saling membantu antara dua atau beberapa pihak dari pelbagai aspek bersifat bantuan tenaga, sokongan, persefahaman dan lain-lain dari satu pihak kepada pihak yang lain untuk faedah atau tujuan bersama.

-(Kamus Dewan edisi keempat)



TUJUAN KERJASAMA :

1. Melatih berfikiran kritis dalam menyelesaikan masalah
2. Mengembangkan kemampuan bersosialisasi dan berkomunikasi
3. Meningkatkan rasa percaya diri
4. Saling memahami individu dalam kelompok



Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (KPPA) YBhg. Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah dalam amanat sulungnya baru-baru ini menggariskan beberapa inisiatif bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Terdapat empat fokus utama diberi tumpuan, diantaranya adalah "**KERJASAMA**" iaitu bersama bergerak ke hadapan.

Justeru, amalan ini katanya, akan dapat meningkatkan nilai tambah dan produktiviti perkhidmatan awam serta 'menyegarkan semula penjawat awam' dengan daya ketahanan tinggi, anjal, tangkas dan berinovasi.

